

22/06/1998

Guna MT sepenuhnya (HL)

im Mustafa; Wan Hazmir Bakar; Patimah Ramli
KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta pemimpin Umno menggunakan sepenuhnya Majlis Tertinggi (MT) sebagai saluran menyelesaikan masalah berkaitan kepentingan dan keselamatan parti, bangsa dan negara.

Presiden Umno itu menegaskan, MT mesti digunakan untuk membahas atau membangkitkan apa jua isu dan rasa tidak puas hati terutama yang 'tidak manis didengar' di luar dan yang boleh menjejaskan perpaduan.

Dr Mahathir berkata, sebarang isu yang dibangkitkan oleh ahli tanpa menggunakan saluran itu, boleh membinasakan parti kerana ia digunakan oleh musuh sama ada di dalam atau luar negara, untuk menjatuhkan kerajaan.

Berucap menggulung perbahasan pada hari terakhir perhimpunan agung Umno ke-52 hari ini, Perdana Menteri berkata, anggota MT memikul fungsi dan tanggungjawab berat kerana segala tindakan atau kenyataan mereka di luar bilik mesyuarat memberi kesan buruk kepada parti dan negara.

Melahirkan rasa sedihnya MT tidak digunakan untuk membangkitkan isu, Dr Mahathir berkata, menjadi anggota MT bukan bertujuan mendabik dada sebaliknya menggunakan platform itu secara bijaksana dan terbaik supaya parti selamat dan berjaya.

"Perkara seperti nepotisme, kronisme dan kapitalisme serta reformasi sepatutnya dibawa ke pengetahuan MT. Anggota MT diberi kebebasan untuk menyuarakan apa jua pandangan mereka pada mesyuarat badan tertinggi jentera parti itu dan tidak ada sebab mengapa mana-mana anggota tidak menggunakan kesempatan itu.

"Ahli MT, gunakanlah MT. Cakaplah secara ikhlas. Saya tahu semua ahli MT sayangkan kepada parti. Tetapi cara menunjukkan kesayangan kepada parti mesti dengan cara yang tidak membinasakan parti," katanya merujuk tindakan Ketua Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi yang membuat kenyataan mengenai wujud nepotisme dan kronisme dalam kerajaan sekarang.

Pada mesyuarat MT baru-baru ini, Dr Mahathir berkata, beliau menjelaskan pentingnya seseorang anggota majlis tidak menghebohkan sesuatu isu kerana ia hanya akan memburukkan parti dan negara.

"Saya sebut perkara ini supaya kita boleh adakan perbincangan dan saya memberi peluang. Ada ahli yang bercakap tetapi malangnya Ketua Pergerakan Pemuda Umno tidak cakap banyak.

"Dia hanya setakat berkata bahawa surat khabar melaporkan tidak kena, itu saja. Dia sekali lagi diberi peluang untuk menggulung, katanya tak ada apa yang dia nak kata, kena tekan teruk sangat, jadi tidak mahu cakap."

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, "Saya berasa legalah, ingat selesailah. Tapi selepas itu, di luar bunyi pula perkara yang sama dan dia (Zahid) akan mendedahkan perkara itu dalam ucapan yang akan dibuat ketika mesyuarat Pergerakan Pemuda pada 18 Jun. Ini bermakna kita tak sanggup bercakap di dalam, kita cakap di luar dan ia mempunyai kesan buruk kepada parti.

"Bahkan saya menjemput dia untuk berjumpa saya dan saya fikir masalah itu sudah selesai tetapi tidak selesai. Saya berpendapat sudah menjadi ahli MT tidak payah guna apa-apa jambatan, kalau tidak percaya pada ahli MT, jumpalah saya sebab itu adalah masalah kita."

Dr Mahathir berkata, sebagai pemimpin parti, mereka harus menjaga parti dan masalah yang tidak betul boleh diperbetulkan.

"Jika kita pergi ke luar dan hebohkan perkara ini ia tidak akan selesai. Orang yang dituduh akan berasa kecewa dan mereka akan menjawab, jika tidak

secara terbuka, secara tertutup dan ini akan merosakkan parti," katanya.

Perdana Menteri berkata, jika perkara itu tidak dijadikan isu oleh parti lawan terhadap Umno, ia digunakan musuh di luar negeri yang akan mendakwa bahawa apa mereka tuduh mempunyai asas kerana ia disebut oleh anggota MT sendiri.

"Saya jelaskan, kalau ada masalah biarlah kita bincang dan selesaikan dalam MT yang biasanya bermesyuarat tanpa orang luar hadir bersama. Apa sebab kita tidak membenarkan mesyuarat itu secara terbuka kerana kalau kita ada mesyuarat terbuka, lebih sukar bagi kita melahirkan perkara yang tidak manis didengar," katanya.

Menurut beliau, struktur Umno yang bermula dengan ahli, cawangan, bahagian dan MT dicipta bagi membolehkan parti ditadbir dengan baik serta memberi hasil maksimum kepada ahli.

(END)